

Lebih ekonomik wujud industri di bandar kecil daripada di kampung

UM 19 FEB 1991

KUALA LUMPUR 18 Feb. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, adalah lebih ekonomik untuk mewujudkan industri di bandar-bandar kecil dengan mengambil pekerja-pekerja dari kampung.

Kata beliau, langkah itu lebih baik berbanding dengan mewujudkan industri di kampung-kampung itu sendiri.

Jelasnya, bilangan penduduk kampung yang kecil adalah tidak setimpal dengan jumlah pelaburan yang dibuat.

"Katakanlah kita wujudkan satu industri di kampung yang memerlukan seribu orang pekerja, adalah meragukan untuk mendapatkan seribu pekerja dari sebuah kampung untuk menyediakan keperluan tenaga pekerja industri itu.

"Sudah tentu tenaga pekerja yang diperlukan terpaksa didatangkan dari kampung-kampung lain," katanya.

Ini memandangkan bilangan penduduk di kampung-kampung sekarang semakin berkurangan kerana ramai yang berhijrah ke bandar-bandar.

"Di kampung-kampung kini penduduk-penduduknya kini adalah di bawah 15 atau lebih 45 tahun. Yang lain-lainnya telah berhijrah ke bandar.

"Ini bukanlah satu bencana besar. Jika orang-orang ini terus menetap di kampung-kampung menanam padi, mereka tidak akan memberi banyak sumbangan kepada ekonomi," kata Perdana Menteri dalam program Wawancara Khas RTM.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, penduduk-penduduk kampung akan beroleh lebih banyak kebaikan bekerja di kilang-kilang.

Perdana Menteri menambah, di samping itu, sesebuah kampung itu perlu dimajukan untuk menjadi bandar-bandar kecil dengan industri-industri kecil terutamanya industri kraftangan.

Dalam masa yang sama, kata beliau, cara-cara pertanian di kampung-kampung juga perlu diubah supaya ia lebih banyak menggunakan jentera serta cara-cara lain daripada tenaga buruh.

"Kita perlu menggunakan lebih banyak mesin, mengusahakan ladang-ladang yang lebih besar dan menyusun sesebuah kampung itu menjadi lebih tersusun dengan sistem jalan yang lebih tersusun," katanya.

Perdana Menteri menambah, langkah menempatkan industri-industri kecil dan sederhana di kawasan-kawasan kampung boleh dibuat tetapi agak terhad.

Jelasnya, industri-industri itu perlu ditempatkan berhampiran industri-industri besar supaya tidak timbul masalah-masalah logistik.

Beliau memberi contoh syarikat pengeluar komponen kereta adalah lebih baik didirian berhampiran kilang kereta memandangkan sekarang negara ini mengamalkan dasar pembekalan komponen bila diperlukan.

"Kita tidak boleh menghantar komponen-komponen itu tiga bulan lebih awal. Kita menghantar pada hari ia perlu digunakan. Ini bermakna kilang pengeluar komponen itu perlu berhampiran dengan kilang kereta," tambahnya.